

KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK

FATWA BIL. 6

**PENGUNAAN KRITERIA BAHARU *IMKANUR RUKYAH* BAGI PENENTUAN AWAL
BULAN HIJRIAH DALAM KALENDAR HIJRAH DI MALAYSIA**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada 21 - 22 Syaaban 1443H bersamaan 24-25 Mac 2022 setelah meneliti dan membincangkan kertas kajian dan keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) Kali Ke-119 berkenaan Penggunaan Kriteria Baharu *Imkanur Rukyah* Bagi Penentuan Awal Bulan Hijriah Dalam Kalendar Hijrah Di Malaysia berpandangan seperti berikut:

Perubahan nilai Kriteria *Imkanur Rukyah* (KIR) yang baharu iaitu ketika matahari terbenam ketinggian bulan **tidak kurang dari 3°** dan jarak lengkung Bulan Matahari (elongasi) **tidak kurang dari 6.4°** dan bersetuju untuk pelaksanaannya pada tahun 2021M (1443H) selaras dengan keputusan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) MABIMS Kali ke-44.

Tarikh : 25 April 2022

No. Fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD.9 (61)

Status Fatwa : Tidak warta

Saya yang menjalankan amanah


(SS. DATO' HAJI ZAMRI BIN HASHIM)
Timbalan Mufti Negeri Perak